# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 29 OGOS 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | 100,000 BENIH UDANG GALAH, BAUNG DILEPASKAN, NEGARA, KOSMO -18 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | KERJASAMA MALAYSIA-CHINA MUDAHKAN PROSES EKSPORT DURIAN SEGAR, ASTRO AWANI -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 3. | PESAK GESA KERAJAAN KELANTAN, KADA SELESAIKAN ISU PENGAIRAN SAWAH, THE SUN DAILY -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7. | PERLIS PADI CROP PLAGUED BY LEAF ROLLER MONTHS, NATIONAL, THE SUN -4<br>PESAWAH PERLIS 'BUNTU' PADI DISERANG ULAT GULUNG DAUN, DALAM NEGERI, UM -33<br>PESAWAH RESAH SERANGAN ULAT PUTIH ANCAM TANAMAN, UTARA, HARAKAH -H21<br>PADI FARMS BUGGED BY CATERPILLARS, NATION, THE STAR -12 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 8. | AGROBANK ENHANCES FOOD PRODUCTION WITH INNOVATIVE FINANCING, NST -2 | AGROBANK |
| 9. | INNOVATING NATION'S AGRICULTURE SECTOR, NATION, THE STAR -12 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/8/2024 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# 100,000 benih udang galah, baung dilepaskan

**PONTIAN** – Jabatan Perikanan Negeri Johor meluluskan permohonan untuk membiakkan udang galah dan ikan air tawar di Sungai Tanjung Air Hitam di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Pekan Nanas, Tan Eng Meng berkata, permohonan itu dibuat susulan kejadian pencemaran di sungai terbabit pada 21 Julai lalu sehingga menyebabkan nelayan dan pengusaha bot sewa terjejas.

Menurutnya, sebanyak 90,000 benih udang galah dan 11,000 benih ikan baung dilepaskan di sungai tersebut pagi semalam.

"Ada beberapa ribu lagi benih ikan seperti ikan sebarau dan lampam dilepaskan juga pada hari ini, namun di kawasan Parit Sikom sesuai dengan keadaan air di kawasan tersebut.

"Namun untuk di Sungai Tanjung Air Hitam, sepanjang empat kilometer, kita melepaskan benih udang galah dan ikan baung bagi menggantikan udang dan ikan yang mati disebabkan pencemaran yang berlaku," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Beliau berterima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor. Datuk Zahari Sarip kerana meluluskan permohonan tersebut.

Sebelum ini *Kosmo!* menyiarkan laporan pencemaran Sungai Tanjung Air Hitam pada 25 Julai di mana kira-kira 1 tan udang selain ikan mati disebabkan berlaku pencemaran di sungai itu.

Kejadian tersebut menyebabkan pengusaha bot kehilangan sumber pendapatan kira-kira RM6,000 bagi tempoh empat hari dan jika berlarutan sehingga dua minggu menyebabkan mereka kerugian RM20,000.



ENG MENG (depan) melepaskan benih-benih udang galah dan ikan baung ke dalam Sungai Tanjung Air Hitam, Pontian semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/8/2024 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

**Kerjasama Malaysia- China mudahkan proses eksport durian segar**

Menurut Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli, proses yang dahulunya sukar kini dipermudahkan dan menyaksikan permintaan terhadap buah segar itu meningkat di republik tersebut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/8/2024 | THE SUN DAILY | ONLINE | |

# Pesak gesa kerajaan Kelantan, KADA selesaikan isu pengairan sawah



**KOTA BHARU**: Persatuan Pesawah Kelantan (Pesak) mendesak kerajaan negeri dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) untuk menyelesaikan isu bekalan air yang telah menyebabkan sebahagian sawah tidak dapat diusahakan.

Pengerusinya Zuha Ismail berkata isu berkenaan belum selesai atas pelbagai faktor termasuk isu penghadang air di Sungai Kelantan yang pecah sejak beberapa tahun lepas masih tidak diperbaiki.

"Sudah beberapa kali kami menyuarakan masalah ini namun tidak juga dibaiki oleh KADA dengan alasan kerajaan negeri tidak membenarkan sebarang pembinaan dalam Sungai Kelantan.

"Walaupun sekarang musim hujan namun pemecahan penghadang itu menyebabkan air sungai terus mengalir ke laut dan tidak memasuki pam kemubu untuk mengairi sawah serta menyebabkan petani tidak dapat mengusahakan tanaman padi," katanya dalam sidang media di Kampung Pagar Pisang di sini hari ini.

Berikutan kekangan itu, hanya 25 peratus daripada lebih 7,000 petani di kawasan seliaan KADA menanam padi pada musim ini manakala sebahagian besar yang lain masih menunggu masalah itu diatasi.

"Buat masa ini, sebahagian besar petani tidak menanam padi kerana bimbang dan terpaksa menanggung kerugian seperti musim lepas," katanya sambil berharap pihak bertanggungjawab dapat menyelesaikan segera isu berkenaan

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/8/2024 | THE SUN | NATIONAL | 4 |


# Perlis *padi* crop plagued by leaf roller moths

**KANGAR:** About 700ha of *padi* in five areas of Perlis are under attack from leaf roller moths, leaving up to 352 farmers fearful of losing their crop that is awaiting harvest in two weeks.

The areas, involving the Area Farmers Organisations of Arau, Kayang, Kangar, Tambun Tulang and Simpang Empat, are within the Muda Agriculture Development Authority (Mada) scheme, said Perlis Agriculture, Plantations and Food Industries Committee chairman Razali Saad.

After having a firsthand look at the bug-infested crop near here, he said the crop came under the pest attack about a month ago.

"The income of farmers will drop depending on the age of the *padi* plant. Looking at the situation, we can estimate a 40% loss in yield."

He said Mada is monitoring the situation and providing advice and pesticides to the affected farmers.

"The state government has called for a meeting of the relevant agencies on the matter. We are also awaiting word from the Agriculture and Food Security Ministry." – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/8/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Pesawah Perlis 'buntu' padi diserang ulat gulung daun

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Sebanyak 352 pesawah membabitkan kawasan seluas 700.19 hektar di negeri ini terjejas dan hasil dijangka merosot sehingga 40 peratus berikutan serangan ulat gulung daun.

Serangan ulat gulung daun tersebut mengakibatkan pertumbuhan padi terencat sekali gus akan merosakkan padi.

Keluasan yang terjejas tersebut membabitkan sekitar 20 peratus daripada keluasan keseluruhan kawasan padi di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Perlis iaitu 19,034.53 hektar.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, serangan ulat gulung daun pada musim ini agak serius berbanding musim setahun lalu yang dianggarkan kawasan terjejas sekitar 698 hektar sahaja.

Katanya, setiap kali musim penanaman padi, masalah seperti ini pasti akan timbul namun tidak serius seperti kali ini.

Menurut beliau, meskipun hanya sekitar 20 peratus kawasan tanaman padi di negeri ini terlibat namun ia menjejaskan pesawah.

"Antara kawasan yang terjejas teruk adalah seperti di E1 Simpang Empat yang melibatkan 273 pesawah.

"Kerajaan negeri juga sudah berhubung dengan agensi pertanian berkaitan dalam mencari penyelesaian kepada masalah ini dan buat masa ini, serangan ulat tersebut belum lagi sehingga mencapai tahap darurat.

"Oleh itu, memerlukan pemantauan serta penelitian selanjutnya daripada pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sendiri," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang petani, Ku Hashiam Ku Bakar, 66, berkata, serangan ulat gulung daun itu dikesan berlaku sejak dua minggu lalu.

Dia yang mengusahakan tanaman di kawasan seluas dua hektar di Permatang Keriang, Simpang Empat itu berkata, serangan ulat tersebut agak mendadak pada musim ini sekali gus menjejaskan hasil pendapatan petani.

"Setiap musim memang akan berlaku kejadian seumpama ini namun kali ini begitu ketara. Serangan ulat ini telah menjejaskan hasil pendapatan petani dan ia lebih teruk berbanding musim lalu.

"Ulat gulung daun ini dipercayai datang daripada hama rama-rama yang bertelur di dedaun padi yang kemudian membiak dalam cuaca yang tidak menentu dan walaupun hujan, ulat ini masih dapat membiak dengan banyak.

"Sebagai langkah kawalan saya sudah menyembur racun di beberapa bahagian sawah padi bagi mengelakkan kerosakan padi lebih banyak," katanya.



**SERANGAN** ulat gulung daun mengakibatkan pertumbuhan padi menjadi terencat dan akan merosakkan padi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/8/2024 | HARAKAH | UTARA | H21 |


# Pesawah resah serangan ulat putih ancam tanaman

Oleh **NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF**

**ARAU:** Lebih 140 pesawah di kawasan Guar Sanji dan Sanglang di sini, terjejas akibat serangan ulat pengorek batang padi atau lebih dikenali sebagai ulat putih.

Serangan itu yang menyebabkan tanaman padi rosak membabitkan kawasan seluas kira-kira 150 hektar di Kampung Chantek Bangun dan Kampung Tengah Tok Pulau.

Kejadian serangan ulat putih sebelum ini dilaporkan berlaku di Kedah dan merebak ke Perlis kira-kira sebulan lalu, dianggap sebagai serangan paling teruk dalam tempoh 20 tahun.

Pesawah Kampung Tengah Tok Pulau, Ros Mat, 56, berkata serangan ini mengingatkan mereka kepada kejadian serupa kira-kira 20 tahun lalu.

"Namun kali ini, skala serangan jauh lebih besar. Hampir keseluruhan Kedah dan Perlis diserang ulat putih," katanya.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk mengawal serangan itu, termasuk penggunaan racun serangga, keadaan semakin buruk.

Padi yang kelihatan sihat dari jauh sebenarnya tidak berisi, manakala padi yang diserang rebah, menunjukkan keseriusan serangan ulat putih.



**Abdul Aziz Sapi menunjukkan padi yang diserang ulat putih.**

Pesawah Kampung Tengah Tok Pulau, Yusri Saad, 49, kecewa kerana walaupun racun digunakan berkali-kali, serangan ulat putih semakin merebak, menyebabkan kos pengeluaran semakin tinggi.

"Memang tak mati, malah lebih merebak. Kos makin tinggi, kerugian tak dapat dianggarkan," ujarnya.

Abdul Aziz Sapi, 65, pesawah dari Kampung Chantek Bangun, turut berkongsi kebimbangannya mengenai kerosakan yang semakin meluas.

"Apabila satu tempat kena, serangan ulat putih akan melarat ke tempat lain. Kita sudah cuba pelbagai cara, tapi tidak berjaya," katanya.

Selain penggunaan racun meningkatkan kos pengeluaran padi dengan mendadak, kenaikan kadar sewa jentuai turut membebankan pesawah.

Pesawah berharap Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan kerajaan negeri dapat mencari jalan penyelesaian segera untuk menangani masalah ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad, mengesahkan masalah serangan ulat putih adalah serius, tetapi tidak melibatkan keseluruhan kawasan sawah di bawah lima unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu Guar Sanji, Kayang, Tambun Tulang, Simpang Empat dan Kangar.

"Pemantauan dan kawalan telah dilakukan oleh agensi berkaitan. Serangan ulat putih masih terkawal dan belum diisytiharkan sebagai darurat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/8/2024 | NST | | 2 |


REDUCING IMPORTS

# Agrobank enhances food production with innovative financing



Agrobank supports the development of food production, particularly through the use of technology to boost productivity. FILE PIC


ASILA JALIL
**KUALA LUMPUR**
bt@nst.com.my


MALAYSIA should focus on boosting the exports of tropical fruits that are widely available nationwide to counterbalance the rising imports of food, said Agrobank president and chief executive officer Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

He highlighted the banking group's efforts to reduce food imports and enhance domestic food production, thereby ensuring national food security.



*Industry players can also look out for training and education opportunities that will generate better entrepreneurs.*

**DATUK TENGKU AHMAD BADLI SHAH RAJA HUSSIN**
Agrobank president and chief executive officer

Agrobank's main assistance comes in various financing options across the food industry, including financing logistics for frozen food and food processing, he said.

As a key player in the food industry, Ahmad Badli Shah said Agrobank supports the development of food production, particularly through the use of technology to boost productivity.

He emphasised that incorporating technology in the industry also promotes long-term environmental sustainability.

Ahmad Badli Shah highlighted the factors that led to the rise in food imports, namely demand for food that is not grown or produced in Malaysia's climate, such as apples, grapes and salmon.

Additionally, the country's growing population and competitive prices of imported goods also contribute to the rise of food imports, he told *Business Times*.

"To offset the import of food or fruits that are grown in other climates, Malaysia needs to focus on increasing exports of tropical fruits such as Musang King durian, Harumanis mango and jackfruit.

"Besides, Malaysia should take advantage of the halal certification by the Malaysian Islamic Development Department to widen food exports," he said.

### How Agrobank helps the industry

To facilitate more production of quality food in the country, Agrobank has launched a fund under the Madani Economy framework worth RM200 million to encourage the use of modern agricultural technology throughout the agrofood value chain.

The fund, dubbed the Madani Agrotechnology Funding Programme, aims to improve food production, with a profit rate as high as 2.0 per cent a year and a repayment grace period of up to eight months.

Another fund launched by Agrobank this year was the Agrofood Financing Fund for agricultural entrepreneurs.

The fund aims at the main sectors of plantation, fisheries and farming, totalling RM40 million for each sector and RM30 million for supporting sectors.

"This fund provides financing up to 100 per cent of expenditure costs, which include asset buying, development costs, working costs and others, at a rate of 4.0 per cent a year," said Ahmad Badli Shah.

Meanwhile, Agrobank will roll out another fund in the third quarter of this year, which is the Agrofood Modernisation Fund. It is specifically designed for green farming and technologies related to it.

"This RM30 million fund targets climate mitigation and agricultural adaptation technologies and practices to help agricultural entrepreneurs deal with the risks of climate change and extreme weather changes," said Ahmad Badli Shah.

Considering its mandate as a development financial institution (DFI), Agrobank is committed to advancing sustainable agriculture and food security agenda through this upcoming MAHA (Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism) 2024 that will be held on Sept 11-22.



### Ways to reduce food imports

Ahmad Badli Shah said the rise in food imports reflected the increased food consumption in the country as well as better purchasing power.

It also provides opportunities for the food producers in the country to expand their reach.

He said these opportunities enable domestic food producers to improve their production and compete with imported goods.

This can be achieved through innovation as well as utilisation of modern technology.



Ahmad Badli Shah also said there was a need to enhance the development of the food industry to make it more competitive and on par with international standards via innovation and technology.

Other measures to enhance the food industry include support from the government and the private sector, which can be done through tax exemptions and promotional activities.

Tax exemptions are able to reduce the burden faced by industry players.

"Industry players can also look out for training and education opportunities that will generate better entrepreneurs," he added.